

## **Konsep Keyakinan dalam Perbahasan Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah**

*The Concept of Certainty in the Epistemological Discourse in Liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah*

Maryam Habibah binti Kamis<sup>1</sup>  
Mohd Fauzi Hamat<sup>2</sup>  
Wan Adli Wan Ramli<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Keyakinan merupakan elemen yang penting dalam definisi ilmu dan perbahasan epistemologi Islam. Walau bagaimana pun, tinjauan terhadap dua aliran pemikiran Islam iaitu Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dibentangkan oleh al-Baghdadi mendapati masing-masing mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap makna dan kedudukan yakin dalam teori ilmu. Keyakinan merupakan salah satu ciri epistemologi yang kukuh dalam pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis perbandingan konsep keyakinan dalam perbahasan epistemologi Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dan metode analisis data. Hasil kajian menyimpulkan bahawa konsep keyakinan yang diutarakan oleh Muslim liberal adalah tidak selaras malah pada titik tertentu bertentangan dengan pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewakili al-Baghdadi.*

**Kata Kunci:** *Epistemologi, Muslim liberal, Keyakinan, Ahli Sunnah Wal Jamaah*

### **ABSTRACT**

*Certainty is an important element in the definition of Islamic knowledge and epistemological debate. However, a survey of two schools of Islamic thought, namely liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah as presented by al-Baghdadi, found that each has a different conceptions of the meaning and position of certainty in the theory of knowledge. Certainty is one of the fundamental epistemological characteristics in the view of Ahli Sunnah Wal Jamaah. This article analyzes the comparison of the concept of certainty in the epistemological debates of liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah. This study uses a data collection methods and data analysis methods. The results of the study found that the concept of certainty discussed by liberal Muslims is inconsistent and even at some point contrary to the epistemological thinking of Ahli Sunnah Wal Jamaah as presented by al-Baghdadi.*

**Keywords:** *Epistemology, liberal Muslims, certainty, Ahli Sunnah Wal Jamaah*

### **PENDAHULUAN**

Keyakinan merupakan elemen yang penting dalam definisi ilmu dan perbahasan epistemologi Islam. Walau bagaimana pun, tinjauan terhadap dua aliran pemikiran Islam iaitu Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dibentangkan oleh al-Baghdadi mendapati masing-masing mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap makna dan kedudukan yakin dalam teori ilmu. Keyakinan merupakan salah satu ciri epistemologi yang kukuh dalam pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Walau bagaimana pun, pendekatan pasca modenisme nampaknya menjadi landasan bagi Muslim liberal

---

<sup>1</sup> Calon Phd, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.Akademi Pengajian Islam.Universiti Malaya.50603. Kuala Lumpur. Malaysia. maryamhabibah997@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.Akademi Pengajian Islam.Universiti Malaya.50603. Kuala Lumpur. Malaysia. mfhamat@um.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.Akademi Pengajian Islam.Universiti Malaya.50603. Kuala Lumpur. Malaysia. wanadli@um.edu.my

dalam mengemukakan idea mereka. Dalam falsafah Barat, pasca modenisme adalah suatu bentuk pemikiran yang berpegang kepada keraguan ilmu (skeptisisme), kebenaran yang terhad menurut perspektif (subjektivisme), dan penolakan kebenaran mutlak (relativisme) khususnya terhadap epistemologi.<sup>4</sup> Pendekatan pasca modenisme dalam pemikiran Muslim liberal dapat dikenal pasti tertonjolnya asas epistemologi yang berbeza khususnya dalam aspek keyakinan terhadap ilmu. Contohnya kenyataan oleh kumpulan *Sisters in Islam* (SIS) iaitu Zainah Anwar dapat dilihat dalam petikan berikut:

*“Certitude belongs only to God. So while Shari’ah, God’s revelation, is immutable and infallible; fiqh is changeable and fallible. Much of what we freely label as Shari’ah law today is actually fiqh, a human construction.”*<sup>5</sup>

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Zainah Anwar secara tersiratnya membahagikan Shari’ah kepada dua tahap. Pertama ialah Shari’ah pada tahap hakikat yang merupakan wahyu daripada Allah SWT (*God’s revelation*). Shari’ah pada tahap hakikat dianggap tidak berubah (*immutable*) dan bersifat maksum (*infallible*). Maka, dapat difahami bahawa beliau mengiktiraf Shari’ah pada tahap hakikat. Perkara yang menjadi isu adalah mengenai pendapatnya mengenai Shari’ah pada tahap makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena terhadap fikah sentiasa mengalami perubahan (*changeable*) dan berkemungkinan salah (*fallible*). Ini menyebabkan kefahaman manusia terhadap undang-undang Shari’ah (*Shari’ah law*) yang sebenarnya adalah fikah, merupakan binaan manusia (*human construction*). Hal ini kerana, usaha manusia dalam memahami fikah sentiasa mengalami perubahan (*changeable*) dan berkemungkinan salah (*fallible*) sehingga makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena tidak dapat diyakini oleh orang yang mengetahui. Berdasarkan kenyataan ini, dapat dikenal pasti bahawa Zainah Anwar tidak meyakini makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena yang sampai ke dalam hati orang yang mengetahui.

Dalam menilai dan meneliti kemungkinan idea pasca modenisme dalam epistemologi Muslim liberal, maka, kefahaman yang mendalam terhadap asas epistemologi Islam sangat penting dalam perspektif akidah dan pemikiran Islam. Sehubungan itu, perbahasan epistemologi Islam oleh para ulama boleh dijadikan panduan awal dalam menilai kewajaran pemikiran pasca modenisme. Antaranya, al-Baghdadi menyatakan dalam kitab *Usul al-Din*, bahawa rukun pertama dalam prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah asas epistemologi iaitu *ajma’u ‘ala ithbat al-‘ulum ma‘ani qa’imah bi al-‘ulama*<sup>6</sup> atau bersepakat atas tersabitnya bagi ilmu makna seperti yang difahami oleh orang yang mengetahui. Oleh yang demikian, pendekatan memahami agama yang berlandaskan epistemologi pasca modenisme ini mengakibatkan timbulnya sangkaan bahawa pengetahuan tradisi sedia ada mengenai agama sebagai sesuatu yang tidak sabit, tidak meyakinkan dan tidak muktamad. Oleh yang demikian, perbezaan ini telah menimbulkan keraguan yang perlu disemak dan dianalisis secara terperinci dan mendalam.

<sup>4</sup> Brian Duignan, “Postmodernism,” laman sesawang Encyclopædia Britannica, diakses 10 Oktober 2018, <https://www.britannica.com/topic/postmodernism-philosophy>.

<sup>5</sup> Zainah Anwar, “In Search of Common Ground: Reconciling Islam and Human Rights,” laman sesawang Sisters in Islam, diakses 10 Oktober 2018, <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1444.98>.

<sup>6</sup> Al-Baghdādī, *Usul al-Din*, 16-17.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini menggunakan dua metode utama iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Metode pengumpulan data bergantung sepenuhnya kepada metode dokumentasi di mana dokumen-dokumen seperti tesis, disertasi, artikel, manuskrip, buku, kertas-kertas kerja, ensiklopedia, kamus, dan laman web. Metode analisis data pula digunakan untuk melakukan perbandingan dan menganalisis epistemologi Muslim liberal berdasarkan pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam konsep keyakinan.

## **PENSABITAN KEYAKINAN MENURUT EPISTEMOLOGI MUSLIM LIBERAL**

Pensabitan keyakinan yang dibincangkan dalam artikel ini dipecahkan kepada perbincangan mengenai definisi yakin. Selain itu, perbincangan mengenai *zan*, *syak* dan *waham* yang merupakan struktur atau susunan hierarki ketidakyakinan. Peranan agen manusia (*human agency*) dalam mensabitkan keyakinan juga merupakan salah satu perbincangan yang penting dalam mensabitkan sesuatu keyakinan iaitu proses ketibaan makna pada diri orang yang mengetahui tersebut akan menatijahkan seseorang untuk meyakini atau tidak meyakini makna yang tiba di dalam hatinya.

### **Definisi Yakin Menurut Epistemologi Muslim liberal**

Perbincangan soal definisi yakin menjadi asas epistemologi bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Namun, perbincangan mengenai definisi yakin secara khusus tidak disentuh oleh Muslim liberal, namun terdapat perkataan yakin (*certainty*) melalui kenyataan dalam karya penulisan Muslim liberal iaitu:

*“On this earth, we will never know with a level of absolute certainty Islam as it exists in the mind of God in the metaphysical world. Nevertheless, using the Qur’an as a moral guide, Muslims with great humility must continue to critically and honestly strive toward a greater moral realization of divinity while fully acknowledging and dealing with human limitations and contingencies.”*<sup>7</sup>

Kenyataan ini merujuk kepada manusia tidak boleh mengetahui secara yakin mengenai Islam yang wujud dalam minda Tuhan (*mind of God*) yang berada dalam dunia metafizik (*metaphysical world*). Perumpamaan Abou El Fadl mengenai minda Tuhan (*mind of God*) yang berada dalam dunia metafizik (*metaphysical world*) menunjukkan bahawa beliau membezakan antara dunia metafizik (*metaphysical world*) atau alam ketuhanan dan alam manusia atau dunia fizikal (*physical world*).

Maka, secara tidak langsung, beliau meletakkan bahawa keyakinan hanya milik Tuhan sahaja yang berada di dunia metafizik (*metaphysical world*) atau alam ketuhanan. Secara tuntasnya, boleh ditafsirkan bahawa menurutnya, apabila manusia tidak dapat menanggapi Islam dalam dunia metafizik (*metaphysical world*) yang wujud dalam minda Tuhan (*mind of God*), secara tidak langsung dapat dihuraikan bahawa manusia tidak dapat mengetahui Islam pada tahap dunia fizikal atau alam manusia secara yakin.

Seterusnya, beliau memperincikan mengenai sebab yang paling utama bagi manusia tidak dapat mencapai tahap yakin di dunia fizikal (*physical world*) atau alam manusia adalah kerana pada hakikatnya manusia mempunyai keterbatasan (*limitation*) dan ketidakmampuan (*contingencies*) yang wujud dalam diri mereka. Maka, keyakinan tidak dapat dicapai oleh manusia kerana kelemahan diri manusia sehingga

<sup>7</sup> Khaled Abou El Fadl, *Reasoning with God: Reclaiming Shari’ah In The Modern Age* (United Kingdom: Rowman & Littlefield, 2014), 15.

menatijahkan manusia tidak dapat menanggapi ilmu Tuhan pada dunia metafizik (*metaphysical world*) atau alam ketuhanan. Walaupun keyakinan secara hakiki tidak dapat dicapai oleh manusia, namun manusia perlu sentiasa berusaha mencari kebenaran berdasarkan kepada panduan al-Quran.

Selain kenyataan yang dikemukakan oleh Abou El Fadl mengenai perkataan yakin (*certainty*), dapat dilihat bahawa Soroush juga membincangkan mengenai yakin secara tersirat melalui kenyataannya iaitu:

*“All truths reside under the same roof and are stars in the same constellation. The contention being made here is that everyone participates in building the wondrous castle of truth; or, even more, that everyone should be invited to participate and that the castle should be carried on the collective’s shoulders....”*<sup>8</sup>.

Kenyataan Soroush di atas perlu difahami dalam konteks yang khusus, iaitu beliau membincangkan kenyataan tersebut dengan merujuk kepada kebenaran pelbagai agama. Kebenaran pelbagai agama menunjukkan bahawa tidak terdapat satu pun agama yang tunggal dan eksklusif yang menjadi sumber kebenaran secara hakiki malah semua agama merupakan sumber kebenaran yang sah. Secara jelasnya, contoh kebenaran pelbagai agama itu adalah kepercayaan Muslim bahawa Allah Maha Esa yang bermaksud Allah SWT merupakan satu-satunya Tuhan dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Allah SWT adalah nama Zat yang *Wajib al-Wujud*, Tuhan seluruh alam, yang disembah oleh seluruh umat Muslimin. Selain itu, kepercayaan Kristian bahawa *God Trinity*. *God* yang *Trinity* ini ditasawurkan sebagai diri yang satu, yang terdiri daripada tiga personal. Tiga personal ini merujuk kepada *Father*, *Son* dan *Holy Spirit*. Namun, tiga personal ini tidak dianggap sebagai tiga Tuhan.

Begitu juga kepercayaan Hindu yang menyembah Tuhan yang satu iaitu Tuhan Brahma yang dilihat mempunyai tiga fungsi dan sifat yang berbeza iaitu Pencipta, Pemelihara dan Pemusnah yang dicernakan melalui tanggungjawab yang dipikul oleh Dewa Brahma sebagai Pencipta, Dewa Vishnu sebagai Pemelihara dan Dewa Siva sebagai Pemusnah. Kepercayaan agama Hindu ini dikenali sebagai Trimurti atau Thirumoorthi. Selain itu juga, kepercayaan Ateis ialah menolak kewujudan Tuhan dan tidak mengakui kebenaran yang ada pada seluruh agama. Kesemua pandangan ini dimaksudkan dengan *all truth* dalam konteks perbincangan Soroush.

Sebaliknya semua kebenaran yang dibincangkan oleh Soroush ini tidak merujuk kepada kebenaran, contohnya bahawa warna putih adalah putih dan warna hitam adalah hitam. Kewujudan warna hitam dan putih ini menunjukkan bahawa memang diakui terdapat dua kebenaran iaitu kebenaran warna putih adalah putih dan warna hitam adalah hitam. Kita tidak mengatakan bahawa warna putih adalah warna hitam dan warna hitam adalah warna putih kerana itu bukan kebenaran yang sebenar dan bukan konteks perbincangan yang dihuraikan oleh Soroush. Perkara ini bukan sesuatu yang eksklusif dan tidak akan timbul perbezaan pandangan mengenai kebenaran tersebut.

Begitu juga mengenai wujudnya berbilang bangsa secara umumnya di Malaysia yang terdiri daripada bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India. Kita tidak mengatakan bahawa bangsa di Malaysia hanya terdiri daripada bangsa Melayu sahaja dengan menidakkan kewujudan bangsa Cina dan bangsa India. Sememangnya diakui bahawa terdapat pelbagai kebenaran bangsa yang ada di Malaysia seperti bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India. Dapat dipertegaskan kembali bahawa perkara ini tidak menimbulkan perbezaan dalam konteks perbincangan yang dikemukakan oleh Soroush kerana kesemua tamsilan yang dinyatakan oleh pengkaji di atas merupakan

<sup>8</sup> Abdul Karim Soroush, *The Expansion of Prophetic Experience: Essays on Historicity, Contingency and Plurality in Religion* (Leiden: Brill, 2009), 146.

satu kebenaran yang tidak dapat disangkal dan diterima oleh semua manusia secara umumnya.

Kesimpulan daripada kenyataan dan perbincangan Soroush mengenai kebenaran pelbagai agama ini menunjukkan bahawa baginya tidak ada konsep yakin dalam kepercayaan keagamaan. Hal ini kerana, seseorang itu tidak boleh menerima satu sahaja tafsiran atau pegangan agama yang benar dan menolak semua tafsiran atau pegangan agama yang lain tetapi harus menerima semua kebenaran agama.

Rumusannya menunjukkan bahawa menurut Muslim liberal, mereka tidak mendefinisikan yakin tetapi meletakkan bahawa keyakinan adalah milik Tuhan sepenuhnya yang berada pada dunia metafizik (*metaphysical world*) atau alam ketuhanan manakala manusia tidak mampu mencapai tahap yakin secara hakiki malah tidak ada konsep yakin dalam kepercayaan keagamaan.

### **Zan, Syak dan Waham Menurut Epistemologi Muslim liberal**

Perbincangan soal hierarki ketidakyakinan ini, menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah melibatkan beberapa tahap seperti zan, syak, dan waham. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap wacana Muslim liberal mendapati bahawa mereka tidak membicarakan struktur atau susunan hierarki ketidakyakinan ini. Rumusannya, Muslim liberal tidak menstrukturkan hierarki ketidakyakinan berdasarkan hierarki tradisional.

### **Agen Manusia (*Human Agency*) dalam Mensabitkan Keyakinan Menurut Epistemologi Muslim Liberal**

Persoalan manusia sebagai agen (*human agent*) merupakan isu utama dalam soal keyakinan. Hal ini bertitik tolak daripada perbincangan mengenai makna yang tiba pada orang yang mengetahui sepertimana yang telah dibincangkan dalam subtajuk pensabitan makna, seterusnya pada bahagian ini diperincikan lagi, iaitu ketibaan makna pada diri orang yang mengetahui tersebut akan menatijahkan seseorang untuk meyakini atau tidak meyakini makna yang tiba di dalam hatinya. Di sini, perkara yang mungkin menjadi titik perbincangan adalah soal keyakinan hati, bukan semata-mata sampainya makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena kepada seseorang. Dengan kata lain, subtajuk ini membincangkan mengenai adakah makna yang sampai kepada manusia yang mengetahui itu diyakini atau pun tidak diyakini oleh hati?

Antara kenyataan yang menyentuh mengenai keyakinan manusia yang mengetahui yang merupakan agen kepada ilmu menurut Muslim liberal dapat dilihat dalam buku "*Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah in the Modern Age*" oleh Abou El Fadl. Beliau dilihat seolah-olah tidak mensabitkan keyakinan kepada diri orang yang mengetahui kerana menganggap bahawa kefahaman manusia terhadap undang-undang Islam (*Islamic law*) adalah tidak maksum (*fallible*) dan tidak sempurna (*imperfect*) iaitu:

*"Shari'ah is God's eternal, and immutable law the Way of truth, virtue, and justice. In essence, Shari'ah is the ideal law in an objective and non-contingent sense, as it ought to be in the Divine's realm... Islamic law is thus the fallible and imperfect attempt by Muslims over centuries to understand and implement the Divine norms, explore right and wrong, and to achieve human welfare...."*<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Abou El Fadl, *Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah in the Modern Age*, xxxii.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Abou El Fadl membezakan antara Shari'ah dan undang-undang Islam (*Islamic law*). Shari'ah merupakan undang-undang Tuhan yang kekal (*eternal*), tidak berubah (*immutable*) dan merupakan jalan untuk mencapai kebenaran (*truth*), kejayaan (*virtue*) dan keadilan (*justice*). Kenyataan ini menunjukkan beliau meyakini makna Shari'ah yang berada di martabat ketuhanan (*divine's realm*) merupakan undang-undang Tuhan yang suci (*infallible*), kudus (*sacred*) dan terpelihara (*secure*). Beliau juga meyakini bahawa Shari'ah merupakan undang-undang yang ideal dalam maknanya yang objektif dan tidak bergantung kepada situasi sebagaimana sepatutnya dalam martabat ketuhanan (*divine's realm*).

Perkara yang menjadi kontroversi di sini adalah kenyataannya bahawa "*Islamic law is thus the fallible and imperfect attempt by Muslims*" yang menunjukkan bahawa makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena mengenai undang-undang Islam (*Islamic law*) adalah bersifat tidak maksum (*fallible*) dan tidak sempurna (*imperfect*) yang cuba difahami oleh manusia. Dengan kata lain, makna undang-undang Islam (*Islamic law*) dianggap sebagai tidak maksum (*fallible*) dan tidak sempurna (*imperfect*), kesan langsung daripada kepercayaan itu menunjukkan makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena yang sampai ke dalam hati orang yang mengetahui itu tidak dapat diyakini.

Sejauh berkait dengan kenyataannya iaitu "*attempt by Muslims over centuries to understand and implement the Divine norms*" menunjukkan bahawa Abou El Fadl mengaitkan percubaan yang dilakukan oleh Muslim untuk memahami (*understand*) dan melaksanakan (*implement*) undang-undang Tuhan (*Divine norms*). Pada pandangan pengkaji, kedua-dua aspek tersebut adalah berbeza, namun Abou El Fadl telah mencampuradukkan di antara kefahaman (*understand*) dan pelaksanaan (*implement*) dalam melaksanakan undang-undang Tuhan (*Divine norms*). Berdasarkan pendapat ini, dapat diulas bahawa sememangnya diakui bahawa pelaksanaan (*implement*) oleh manusia ini sentiasa tidak sempurna (*imperfect*) dan boleh dipertikaikan, namun adakah pada titik kefahaman, tidak ada satu pun perkara yang dapat difahami oleh manusia di dunia ini? Perkara ini menunjukkan bahawa Abou El Fadl menganggap bahawa makna yang sampai ke dalam hati manusia seolah-olah tidak dapat diyakini.

Selain itu, kenyataan oleh Soroush menyatakan bahawa manusia seolah-olah tidak dapat mensabitkan keyakinan kerana manusia mempunyai sifat tidak maksum (*fallible*) seperti berikut:

*"One of the clear consequences of critical rationalism is to show that most of people's certainties are little more than conjectures. This is not to say that people can never arrive at truth but that arriving at truth has no specific signpost. The signposts mentioned in traditional philosophy, such as observation, certitude, etc., are all fallible."*<sup>10</sup>

Dalam pandangan Soroush, keyakinan adalah sesuatu yang tidak dapat ditetapkan dalam aspek epistemologi. Hal ini disebabkan baginya, sesuatu kebenaran itu tidak mempunyai tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*). Apabila ketiadaan tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang jelas maka, ketepatan makna yang sampai ke dalam hati seolah-olah tidak dapat disahkan. Selanjutnya ini memberi kesan kepada kepercayaan dan keyakinan yang boleh dibina dalam hati orang yang mengetahui.

Menurut Soroush, tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang dibincangkan dalam beberapa falsafah tradisional seperti dalil pemerhatian (*observation*), dalil keyakinan (*certitude*) dan sebagainya dianggap oleh Soroush

<sup>10</sup> Soroush, *The Expansion of Prophetic Experience: Essays on Historicity, Contingency and Plurality in Religion*, 156

sebagai tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang masih boleh dipertikaikan. Sebagai contoh, menurutnya dalil pemerhatian (*observation*) adalah satu tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang tidak kukuh. Hal ini kerana sekiranya seseorang itu berpegang kepada rasionalisme atau daya intelek atau akal, bagaimana seseorang itu hendak mensabitkan benda yang dia fikirkan tapi berdasarkan kepada pemerhatian (*observation*) yang dicerap oleh pancaindera seperti mata, sudah tentu perkara itu bersifat tidak maksum (*fallible*) atau berkemungkinan salah.

Maka, pendirian rasionalisme kritis (*critical rationalism*) yang dipegang oleh Soroush telah digunakannya untuk melangkaui ke ruang empirikal dan naratif perkhayaban membawa kepada ketidakyakinan kepada tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang ada. Jangkauan yang berada di luar batasan asas sumber epistemologi ini telah mengakibatkan Soroush yang berpegang kepada rasionalisme kritis (*critical rationalism*) sehingga tidak meyakini tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang sebenarnya ada di dalam ruang empirikal dan naratif perkhayaban. Kenyataan di atas menunjukkan bahawa manusia tidak mampu menanggapi makna yang sebenar kerana ketiadaan tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*). Maka, kesemua tanggapan mereka mengenai makna adalah bersifat tidak maksum (*fallible*) atau berkemungkinan salah yang secara langsung mengakibatkan ketidakyakinan dalam diri orang yang mengetahui. Rumusan keseluruhannya, Muslim liberal tidak mensabitkan keyakinan

### **Pensabitan Keyakinan Menurut Epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Keyakinan seseorang timbul atas dasar pengamatan dan penilaian objektif terhadap sesuatu objek sehingga mempercayai keadaan yang sebenar-benarnya sepertimana ianya. Aspek atau elemen keyakinan ini menjadi elemen dalam ilmu yang dimasukkan oleh para sarjana sejak sekian lama.

### **Definisi Yakin Menurut Epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Perbincangan menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dibentangkan berdasarkan huraian al-Baghdadi. Al-Baghdadi merupakan salah seorang tokoh besar dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah yang hidup hampir sezaman dengan al-Baqillani iaitu satu generasi selepas Abu Hasan al-Asy'ari dan al-Ghazali. Maka, perbincangan mengenai pensabitan keyakinan dikemukakan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diwakili oleh al-Baghdadi. Keyakinan seseorang timbul atas dasar pengamatan dan penilaian objektif terhadap sesuatu objek sehingga mempercayai keadaan yang sebenar-benarnya sepertimana ianya. Aspek atau elemen keyakinan ini menjadi elemen yang dimasukkan oleh para sarjana sejak sekian lama. Secara langsung, ia berkait dengan soal keyakinan orang yang mengetahui tersebut terhadap makna yang sampai secara yakin. Secara tersirat, al-Baghdadi mengiktiraf yakin dalam definisi ilmu. Ini berdasarkan petikan berikut:

العلم يصير الحي بما عالما. ان العلم صفة تصح بها من الحي القادر احكام الفعل  
واتقانه<sup>11</sup>

*Terjemahan: Ilmu [ialah suatu sifat] yang menjadikan seseorang yang hidup berilmu dengannya. Ilmu [juga] adalah satu sifat yang sah dengannya daripada orang yang hidup, lagi yang berkuasa [untuk] melakukan sesuatu perbuatan secara bijaksana atau berhikmah (ihkam) dan penuh tekun (itqan).*

Secara tersirat, elemen yakin terdapat dalam dua kata kunci utama yang dikemukakan iaitu *al-ilm* dan *al-itqan*. Yakin yang dimaksudkan di sini ialah merujuk

<sup>11</sup> Al-Baghdādī, *Usul al-Din*, 13.

kepada istilah *al-'ilm* yang berasal dari perkataan *'alima* iaitu yang bermaksud mengetahui. Ibn Manzūr mendefinisikan *al-'ilm* sebagai mengetahui sesuatu.<sup>12</sup> al-Fayyumi menyatakan, *al-'ilm* bermakna *al-yaqin* (yakin), selain bermakna *al-ma'rifah* (mengetahui).<sup>13</sup> Proses untuk mengetahui sesuatu adalah kognisi yang memerlukan usaha untuk mentafsir, memahami, membezakan dan mempelajari sesuatu berdasarkan kepada dalil-dalil yang meyakinkan dengan mengetepikan unsur-unsur *zan*, *syak* dan *waham*.

Elemen yakin juga merujuk kepada terma *al-itqan*. Mahmud Umar<sup>14</sup> dalam menghuraikan konsep *al-itqan* mengulas bahawa perbuatan yang tekun merupakan perbuatan yang tidak ada cacat cela. Ketekunan sebegini hanya dapat digambarkan sekiranya seseorang yang bertindak itu mengetahui secara yakin dan terperinci (*'ilman yaqiniyyan tafsiliyyan*) segala baik buruk tindakan tersebut. Ini menjadi petunjuk bahawa perkataan *al-itqan* mengandungi elemen yakin di dalamnya. Al-Jurjani (m. 845H)<sup>15</sup> pula mendefinisikan *al-itqan* seperti berikut:

وقيل الإتيان معرفة الشيء بيقين

*Terjemahan: Juga dikatakan al-itqan bermaksud mengetahui sesuatu dengan yakin.*

Al-Baghdadi mensabitkan keyakinan melalui definisi ilmu yang dikemukakan iaitu perkataan *itqanuhu* yang menunjukkan bahawa ianya menafikan sikap taklid dan juga pengetahuan yang hanya berada pada tahap *ghalabat al-zan*. Jadi perbincangan tentang *al-itqan* ini dengan lebih mendalam menunjukkan bahawa elemen taklid dan *zan* terkeluar daripada definisi ilmu. Ini menunjukkan bahawa al-Baghdadi menyatakan bahawa ilmu yang sebenar-benarnya (*haqiqat al-'ilm*) itu ialah ilmu yang bersifat atau bertaraf yakin (*al-'ilm al-yaqini*)<sup>16</sup>. Istilah yakin itu sendiri didefinisikan sebagai kepercayaan terhadap sesuatu bahawa ia adalah begini atau begitu, dan dalam masa yang sama kepercayaan tersebut menolak kemungkinan sesuatu itu boleh jadi selain daripada gambaran sebegini atau sebegini, yang mana gambaran tersebut sebenarnya bertepatan dengan realiti hakikatnya.<sup>17</sup> Maknanya, jika sesuatu pegangan itu didakwa sebagai ilmu tetapi tidak bersifat yakin, maka pegangan itu bukan ilmu sebenarnya. Ia semata-mata satu dakwaan yang tidak berasas.

Selain itu, al-Baghdadi dilihat tidak menggunakan perkataan *al-jazm* yang menunjukkan keyakinan sepertimana yang digunakan oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam memerihalkan mengenai ilmu yakin. Hal ini tidak membawa maksud bahawa al-Baghdadi menolak keyakinan dalam ilmu. Namun, beliau berpendapat bahawa perkataan *al-jazm* tidak meliputi semua termasuk Allah SWT. Walaupun bagaimana pun, berdasarkan huraian di atas, tidak dinafikan bahawa pemikiran epistemologi beliau adalah selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lain yang menekankan mengenai keyakinan dalam konsep ilmu.

Dalam perbincangan yang lebih mendalam, konsep keyakinan dalam Islam secara tradisinya telah dipecahkan oleh para ulama kepada tiga tahap yang berbeza sepertimana yang digambarkan seperti rajah berikut:

<sup>12</sup> Muhammad bin Mukram Ibn Manzūr, *Lisan al-'Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1955), 52.

<sup>13</sup> Ahmad bin Muhammad al-Fayyumi, *al-Misbah al-Munir* (Bayrut: Maktabah Lubnan, 1990), 162.

<sup>14</sup> Mahmud Umar, *Hasyiah al-Sayalikuti wa al-Jalbi ala Syarh al-Mawaqif* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-ilmīyah, 1971), 80.


<sup>15</sup> Abū al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Jurjāni, *al-Ta'rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-ilmīyah, 2000), 7, entri *al-'itqan*.

<sup>16</sup> Al-Baghdādī, *Usul al-Din*, 13.

<sup>17</sup> Al-Jurjāni, *al-Ta'rīfāt*, 259, entri *al-yaqin*.



Rajah 1: Konsep Keyakinan dalam Epistemologi Islam



Sumber: Mahmoud El Masry, 2022.

Gambar rajah ini menunjukkan bahawa terdapat tiga tahap keyakinan iaitu daripada tahap yang paling rendah ialah; pertamanya, tahap pengetahuan secara yakin atau *'ilm al-yaqin*; keduanya, keyakinan mata atau *'ayn al-yaqin*; dan ketiganya yang paling tinggi ialah keyakinan hakiki atau *haqq al-yaqin*.<sup>18</sup> Ketiga-tiga tahap ini biasanya dibezakan dengan suatu perumpamaan pengetahuan secara yakin atau *'ilm al-yaqin* seperti maklumat mengenai terdapatnya seekor buaya di dalam sebatang sungai; seterusnya bahawa keyakinan mata atau *'ayn al-yaqin* seperti melihat sendiri seekor buaya di dalam sungai tersebut; dan seterusnya bahawa keyakinan hakiki atau *haqq al-yaqin* adalah merasai sendiri seekor buaya menggigit kakinya. Berdasarkan huraian ini, dapat dipertegaskan kembali bahawa epistemologi al-Baghdadi yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah menekankan mengenai keyakinan dalam konsep ilmu.

### Zan, Syak dan Waham Menurut Epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ilmu adalah berpaksikan kepada pengetahuan bersifat yakin dan hakikat ilmu dalam Islam bersifat *thabit* dan yakin kerana sesuatu kebenaran boleh dicapai berdasarkan metodologi yang ditetapkan. Para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah menarafkan peringkat mengenali itu sebagai peringkat tertinggi, iaitu mengenali apa yang diketahui dengan sebenarnya, dengan keyakinan yang sebenar. Ianya melebihi sangkaan yang kuat (*zann*), syak, sangkaan yang lemah (*waham*), kejahilan semata (*al-jahl*), dan jahil yang

<sup>18</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, "Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal" *Jurnal Usuluddin* 33 (2011), 124.

bersusun (*jahil al-murakkab*), iaitu tidak disedari ianya jahil, disangkanya dirinya mengetahui sebenarnya. Ilmu perlu mengandungi tahap yakin kerana tanpa yakin tidak dipanggil ilmu.<sup>19</sup> Al-Baghdadi tidak menyentuh mengenai zan, syak dan waham dalam karyanya, namun perkara ini diperkuatkan oleh pendapat ulama lain. Perbahasan ini disentuh oleh Dāwūd al-Faṭānī yang menyatakan bahawa bertentangan dengan tahap pengetahuan secara yakin, ia boleh berubah dan menurun menjadi zan, syak, waham dan jahil.<sup>20</sup>

Zan, iaitu pengetahuan yang “berat sebelah adanya [jazam], ringan akan tiada [jazam],” seperti menurut Dāwūd al-Faṭānī. Zan juga ialah “berat pada hatinya itu mengetahui dan ringan pada hatinya tiada mengetahui,<sup>21</sup>” atau “mendapat akan taraf yang *rājih*, yakni berat hatinya pada mengetahui dan ringan hatinya pada tiada mengetahui,”<sup>22</sup> seperti menurut Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī. Secara perbandingan, rumusan daripada Wan Adli Wan Ramli menyatakan bahawa zan juga didefinisikan sebagai mempercayai sesuatu berdasarkan satu pandangan atau pendapat yang *rājih*, tetapi masih menyimpan dan tidak membuang pandangan atau pendapat yang kedua atau yang seterusnya.<sup>23</sup>

Dalam aplikasi kefahaman ini secara praktikal, pengetahuan secara zan atau *zannī* berlaku apabila hati seseorang yang ingin mengetahui tidak yakin sepenuhnya terhadap gambaran terhadap sesuatu yang sampai kepadanya. Di sini, perkara yang mungkin menjadi titik perbincangan adalah soal keyakinan hati, bukan semata-mata sampainya pengetahuan kepada seseorang. Dengan itu, dapat difahami daripada definisi Dāwūd al-Faṭānī yang menggunakan istilah jazam atau keyakinan.<sup>24</sup>

Sementara dalam definisi Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī, frasa yang digunakan adalah “berat hati” atau “ringan hati”, yang juga menunjukkan kepada persoalan keyakinan.<sup>25</sup> Dengan kata lain, Wan Adli Wan Ramli merumuskan bahawa zan adalah apabila hati lebih yakin atau berat, sama ada untuk membenarkan atau mendustakan, daripada keadaan hati yang lebih kepada tidak yakin atau ringan, sama ada untuk membenarkan atau mendustakan. Pertimbangan dan perimbangan hati ini; sama ada untuk lebih yakin dan berat menerima atau menolak, atau untuk lebih tidak yakin dan ringan hati menerima atau menolak; atau untuk menjadi berbolak-balik atau *taraddud* dalam menerima dan menolak; yang menjadikan status sesuatu pengetahuan itu sama ada berada pada tahap zan, syak atau waham.<sup>26</sup>

Selain itu, dalam suatu lagi konteks yang mungkin juga boleh diaplikasikan konsep zan ini secara praktikal, keadaan pengetahuan secara zan ini juga boleh berlaku apabila usaha untuk mengetahui sesuatu menemukan dua atau lebih pendapat yang berbeza, yang tidak boleh diselaraskan secara mutlak, sedangkan semua pilihan pendapat tersebut berdiri atas hujah yang boleh diterima kedua-duanya. Dalam keadaan ini, apabila hati lebih berat untuk menerima satu pilihan pendapat, tanpa menafikan atau

<sup>19</sup> Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, *Ahli Sunnah Wal Jamaah Penyerapan Unsur-unsur Akidah yang Mengelirukan Dalam Masyarakat Islam di Malaysia* (Johor Bharu: Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2011), 9.

<sup>20</sup> Dāwūd al-Faṭānī, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011), 30-31.

<sup>21</sup> Zayn al-‘Ābidīn Muhammad al-Faṭānī, *Aqidatun Najin*, dirumikan oleh Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2011), 14.

<sup>22</sup> Zayn al-‘Ābidīn Muhammad al-Faṭānī, *Aqidatun Najin*, 33

<sup>23</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, “Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal” *Jurnal Usuluddin* 33 (2011), 126.

<sup>24</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, “Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal”, 126.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*

menolak terus pendapat lain, maka pegangan pengetahuan yang sedemikian berada pada tahap zan.<sup>27</sup>

Pengetahuan secara zan mempunyai kedudukan dan fungsi dalam Islam. Hal ini disebabkan kebanyakan pengetahuan mengenai hukum-hakam agama berada pada tahap ini. Contohnya, pengetahuan mengenai hukum batal wuduk apabila bersentuhan bagi bukan mahram berlainan jantina yang menjadi pegangan mazhab Shāfi'ī. Hukum batal tersebut diketahui secara zan kerana melibatkan tafsiran oleh Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī terhadap dalil-dalil yang ada; yang ditafsirkan secara berbeza pula oleh tokoh mujtahid lain, malah tafsiran dan penghujahan mereka diterima oleh sebahagian besar ulama dan ummah Muslimin, lalu menghasilkan pendapat dan hukum lain yang menjadi pegangan mazhab lain pula.<sup>28</sup>

Dalam masa yang sama, pengetahuan dan pegangan seperti dalam mazhab Shāfi'ī tidak pula menuntut penafian dan penolakan pendapat mazhab lain. Hal ini disebabkan kesedaran ummah bahawa perkara ini adalah pengetahuan secara zan, yang tidak melibatkan penolakan pendapat lain. Walau bagaimanapun, jika ada orang yang menganggap pengetahuannya mengenai hukum terbatal wuduk tersebut adalah berada pada tahap yakin yang muktamad dan putus atau *qaṭ'ī*, secara langsung, orang tersebut pada dasarnya telah menolak sebarang pendapat lain. Berikutan itu juga, orang tersebut pada dasarnya sedang menganggap pegangan kepada hukum tidak terbatal wuduk yang menjadi tafsiran mazhab lain sebagai sesuatu yang terkeluar daripada ajaran Islam.

Dengan maksud lain, orang itu pada dasarnya meletakkan label bidaah ke atas tafsiran mazhab lain.<sup>29</sup> Ini adalah akibat langsung pengabaian terhadap kefahaman yang benar mengenai konsep yakin dan zan, yang menjadi perbincangan dalam falsafah ilmu menurut Islam. Di sini, dapat dilihat faedah praktikal bagi falsafah ilmu Islam dalam mengelak berlakunya sikap taasub dan ekstrem sehingga meletakkan label bidaah, malah mungkin kufur, ke atas orang atau golongan Muslim lain, sedangkan persoalan yang diperdebatkan merupakan perkara zan yang boleh diijtihadkan secara berbeza. Sebaliknya, aplikasi falsafah ilmu Islam dalam hal ini boleh membawa kepada sikap beradab dalam perbezaan pendapat dan seterusnya menghasilkan keharmonian ummah dalam konteks yang lebih luas.<sup>30</sup>

Syak, iaitu pengetahuan yang "*taraddud* antara dua pekerjaan bersamaan keduanya [antara jazam dan tidak], tiada lebih salah suatu daripada taulannya"<sup>31</sup>, seperti menurut Dāwūd al-Faṭānī. Syak juga ialah "mendapatkan tiap-tiap daripada dua ternafi itu atas bersamaan",<sup>32</sup> atau "mendapat tiap-tiap daripada dua taraf itu atas bersamaan,"<sup>33</sup> seperti menurut Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī.<sup>34</sup> Secara perbandingan, menurut Wan Adli Wan Ramli yang menukulkan daripada al-Jurjani menyatakan bahawa syak juga didefinisikan sebagai berbolak-balik di antara dua pandangan yang bertentangan tanpa ada tarjih ke atas mana-mana satu pendapat atau pandangan. Dengan kata lain, syak berlaku apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya.<sup>35</sup>

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, "Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal", 126.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Dāwūd al-Faṭānī, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, 30.

<sup>32</sup> Zayn al-'Ābidīn Muhammad al-Faṭānī, *Aqidatun Najin*, 14.

<sup>33</sup> Zayn al-'Ābidīn Muhammad al-Faṭānī, *Aqidatun Najin*, 33.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, "Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal", 125.

Waham, iaitu pengetahuan yang “berat sebelah tiada [jazam], ringan sebelah adanya [jazam]”,<sup>36</sup> seperti menurut Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī. Menurut Wan Adli Wan Ramli, secara berturutan daripada kefahaman terhadap konsep zan dan syak di atas, waham juga boleh dikatakan sebagai keraguan yang ada dalam hati kerana tiadanya keyakinan sama ada untuk menerima atau menolak sesuatu pengetahuan atau pandangan. Keadaan ini adalah turutan daripada menurunnya tahap keyakinan daripada zan kepada syak menuju ke arah kejahilan. Boleh juga difahami bahawa waham timbul secara bertentangan bagi keadaan zan.<sup>37</sup> Walaupun subtajuk ini membincangkan mengenai zan, syak dan waham, namun pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk menghuraikan jahil juga sangat penting kerana jahil merupakan hierarki selepas zan, syak, waham.

Jahil, iaitu “tiada mengetahui sekali-kali,” yang diistilahkan secara lebih khusus sebagai jahil *basit*, seperti menurut huraian Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī. Satu lagi tahap jahil yang diistilahkan sebagai jahil *murakab* didefinisikan oleh beliau sebagai “mendapat atas bersalahan sifatnya pada *wāqi*’ dan dinamakan dia dengan demikian itu kerana bersusunannya daripada dua jahil; pertama, jahil empunya dengan barang yang pada *wāqi*’; kedua, jahilnya dengan bahawasanya dirinya jahil kerana sangkanya bahawasanya ia yang mengetahui”.<sup>38</sup> Dāwūd al-Faṭānī pula mendefinisikannya sebagai “jazam yang tiada muafakat bagi hak”.<sup>39</sup>

Secara perbandingan, Wan Adli Wan Ramli merumuskan bahawa jahil juga didefinisikan sebagai mempercayai sesuatu secara bertentangan dengan hakikat kebenarannya. Dalam struktur kefahaman ini, jahil bukan sekadar tidak tahu, dengan maksud jahil ialah tiada langsung pengetahuan terhadap sesuatu, sebaliknya ia merujuk kepada sesuatu yang ada dalam fikiran (*annahū shay’ fī al-dhihn*). Secara umumnya, jahil boleh disandarkan kepada dua keadaan; pertamanya, sifat tidak tahu langsung mengenai sesuatu; dan keduanya, sangkaan yang bertentangan dengan kebenaran.<sup>40</sup> Rumusnya, Ahli Sunnah Wal Jamaah menstrukturkan hierarki ketidakpercayaan kepada zan, syak dan waham.

**AGEN MANUSIA (HUMAN AGENCY) DALAM MENSABITKAN KEYAKINAN MENURUT EPISTEMOLOGI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**  
Al-Baghdadi yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menyebut tentang manusia sebagai agen sebagaimana yang di peristilahkan oleh Muslim liberal pada zaman moden ini, tetapi ungkapan al-Baghdadi yang menyebut *qa’imah bi al-‘ulama*’ itu menunjukkan kepada diri manusia sebagai tempat duduknya ilmu. Dapat diperhatikan, apabila al-Baghdadi menyatakan bahawa ilmu itu *qa’imah bi al-‘ulama*’ iaitu berdiri atau berada dalam diri seseorang yang mempunyai ilmu, dapat diulas bahawa al-Baghdadi juga menyedari dan mengiktiraf manusia sebagai agen ilmu.

Pengiktirafan kesedaran manusia sebagai agen ilmu ini apabila dilihat dari aspek keyakinan, memang boleh membawa kepada pertikaian rasa yakin seseorang terhadap ilmunya, akan tetapi al-Baghdadi juga mempertegaskan terdapat ilmu yang benar-benar boleh diyakini oleh setiap manusia iaitu ilmu *badihi* atau *daruri*<sup>41</sup> seperti

<sup>36</sup> Dāwūd al-Faṭānī, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, 30.

<sup>37</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, “Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal”, 126.

<sup>38</sup> Zayn al-‘Ābidīn Muhammad al-Faṭānī, *Aqidatun Najin*, 13.


<sup>39</sup> Daud al-Fathani, *al-Durru al-Thamin*, 30.

<sup>40</sup> Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, “Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal”, 126.

<sup>41</sup> Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, 8-9. Berkaitan dengan ilmu badihi, al-Baghdadi membahagikannya kepada dua jenis iaitu *badihi fī al-ithbat* dan *badihi fī al-nafi*. Dalam perbahasan tentang *badihi fī*

pengetahuan seseorang mengenai kewujudan dirinya sendiri. Ini menunjukkan bahawa dari sudut agen manusia dalam mensabitkan keyakinan, al-Baghdadi mengiktiraf agen manusia dalam mensabitkan keyakinan. Perbincangan mengenai agen manusia (*human agency*) dalam mensabitkan keyakinan dapat dilihat pada gambar rajah di bawah dengan memfokuskan kepada orang yang mengetahui yang berada dalam kotak sepertimana berikut:

Rajah 2: Gambaran Kesedaran Manusia sebagai Agen Ilmu dari Aspek Keyakinan



Sumber: Diadaptasi dan diubahsuai daripada Wan Adli Wan Ramli, 2014.

Gambar rajah di atas menunjukkan terdapat tiga simbol iaitu hakikat, makna dan orang yang mengetahui iaitu orang yang memiliki keyakinan. Hakikat itu adalah dirinya sendiri, dengan kata lain, dirinya atau zatnya atau jauharnya adalah hakikat sesuatu itu. Melalui hakikat tersebut akan keluar makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena ke dalam diri orang yang mengetahui. Makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena ke dalam diri

---

*al-ithbat*, al-Baghdadi menjelaskan ia merupakan suatu ilmu yang wujud dalam diri seseorang yang bermaksud *ithbat* (menetapkan) kewujudan dan dengan apa yang wujud dalam diri seseorang. Ia tidak memerlukan kepada objek dan premis yang khusus dalam menentukan perkara yang diperolehi. Keadaan ini boleh difahami sebagai suatu hubungan pengetahuan bagi seseorang yang bersifat luaran (*external*) yang mempunyai hubungan langsung terhadap aspek dalaman diri (*internal*) seseorang. Contoh yang digambarkan oleh al-Baghdadi adalah suatu perasaan dalam diri seseorang seperti kesakitan, kelazatan, lapar, dahaga, panas, sejuk, sakit, gembira dan lain-lain lagi. Berdasarkan pemahaman ini, *badihi fi al-ithbat* bermaksud pengetahuan yang bersifat intuisi dan naluri semulajadi “*gharizi*” di mana secara mudahnya seseorang dapat memahami dengan menetapkan (*ithbat*) perasaan dalam dirinya yang tidak perlu kepada asas pemikiran yang mendalam dalam menerima sesuatu situasi. Keadaan tersebut adalah suatu bentuk perasan yang wujud dan boleh dicapai bagi setiap individu dan berbeza-beza antara satu sama lain di mana hanya yang mengalami perasaan tersebut sahaja dapat merasai kewujudan perasaan dan pengalaman yang dimaksudkan oleh al-Baghdadi. Sementara itu, *badihi fi al-nafi* pula merujuk kepada suatu keadaan dengan kemustahilan perkara-perkara mustahil yang berlaku pada objek pengetahuan. Keadaan ini melibatkan akal fikiran pada tahap yang paling mudah dengan menafikan kemustahilan pada hukum akal untuk selama-lamanya berlaku. Sebagai contoh al-Baghdadi mengumpamakan dua keadaan yang bertentangan yang tidak boleh wujud dalam satu masa yang sama seperti berkeadaan *qadim* (kekal) dan baharu dalam satu masa. Begitu juga keadaan mati dan hidup serta jahil dan berilmu yang tidak boleh berhimpun dalam satu masa yang sama. Lihat al-Baghdadi, *Usul al-Din*, 8-9.

orang yang mengetahui tersebut akan melahirkan keyakinan yang jitu di dalam hati. Maka, gambar rajah tersebut merupakan keterangan untuk memahami bahawa keyakinan dapat disabitkan oleh seseorang apabila makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena sampai ke dalam dirinya.

Secara lebih jelas, lukisan pokok diibaratkan sebagai hakikat dan gambaran mengenai pokok itu adalah makna, maka makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena ke dalam diri seseorang yang sampai ke dalam hati manusia itu adalah ilmu yang melahirkan keyakinan yang *jazam* dan *thabit*. Ini menunjukkan bahawa manusia sebagai agen dapat menanggapi makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena yang sampai ke dalam hatinya secara yakin. Rumusnya, al-Baghdadi mempertegaskan keyakinan adalah suatu yang boleh dicapai ataupun dalam ilmu itu terdapat elemen keyakinan. Rumusan keseluruhannya menunjukkan al-Baghdadi mensabitkan keyakinan.

### **ANALISIS PERBANDINGAN KONSEP KEYAKINAN MENURUT EPISTEMOLOGI MUSLIM LIBERAL DAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Telah dibentangkan rumusan bagi subtajuk pensabitan keyakinan menurut Muslim liberal bahawa Muslim liberal tidak mensabitkan keyakinan. Manakala rumusan bagi pensabitan keyakinan menurut pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewakili al-Baghdadi secara umumnya mensabitkan keyakinan. Maka, perbandingan akan dilakukan dalam aspek epistemologi Muslim liberal dengan mengambil kira pemikiran epistemologi al-Baghdadi dalam perbincangan mengenai definisi yakin, *zan*, *syak* dan *waham* serta agen manusia (*human agency*) dalam mensabitkan keyakinan.

#### **Analisis Perbandingan Definisi Yakin Menurut Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah.**

Dalam wacana epistemologi Islam, fokus penting yang ditekankan ialah bagaimana sesuatu perkara boleh diterima sebagai sesuatu ilmu yang benar mencapai taraf yakin, yang tidak boleh dipertikaikan lagi kebenarannya. Sesuatu yang benar sewajibnya terdiri daripada sesuatu yang dipercayai secara yakin, tanpa ada sebarang keraguan tentang kemungkinan ketidakbenaran atau kepalsuannya. Dalam erti kata lain, yang benar itu ialah berasaskan ilmu yakin (*'ilm al-yaqin*) manakala yang tidak benar adalah sesuatu yang bertentangan dengan ciri-ciri ilmu yakin tersebut.<sup>42</sup> Dapat dilihat di sini, bahawa perbincangan mengenai yakin boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu keyakinan pada tahap ilmu dan keyakinan pada tahap jahil *murakkab*.

Apabila diperkatakan mengenai pentahapan keyakinan ini, Muslim liberal tidak mengambil kira adakah sesuatu itu adalah berasaskan ilmu atau tidak, namun perbincangan hanya difokuskan kepada konsep yakin semata-mata. Sebagai sesuatu yang terpisah daripada ilmu, yakin berlaku ketika tahap ilmu yang dinamakan *tasdiq* (perakubeneran) dan keyakinan juga berlaku pada tahap jahil *murakkab* yang dinamakan sebagai *takzib* (perakudustaan). Namun, sejauh berkait dengan tindakan hati mensabitkan, dia berlaku dalam kedua-dua keadaan iaitu dalam keadaan yakin yang menunjukkan ilmu dan dalam keadaan sangkaan yang bertentangan dengan kebenaran iaitu jahil *murakkab*.

Keyakinan ialah ilmu tentang sesuatu sebagaimana adanya dan bersifat pasti. Lebih jelas, suatu ilmu itu boleh dikategorikan sebagai suatu keyakinan apabila ilmu tersebut bersandarkan kepada dalil dan sesuai dengan fakta yang ada sehingga tidak

<sup>42</sup> Mohd Fauzi Hamat "Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam: Satu Perbincangan", *Jurnal Usuluddin* 15 (2002), 38.

memungkinkan ruang bagi keraguan sama sekali dan ini merupakan tingkatan ilmu yang paling tinggi. Ini kerana keyakinan berdasarkan kepada dalil dan sesuai dengan fakta merupakan salah satu ciri epistemologi dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam wacana akidah, pegangan iktikad seseorang Muslim hendaklah berdasarkan ilmu yang bertaraf yakin berdasarkan dalil secara terperinci bagi mereka yang mampu berfikir, manakala yang tidak mampu, terdiri daripada orang-orang awam, memadai bagi mereka untuk melandaskan iktikad mereka berdasarkan dalil-dalil secara umum sahaja.

Sepertimana yang dibentangkan dalam subtajuk definisi yakin menurut Muslim liberal dengan menyatakan bahawa walaupun Muslim liberal tidak membawakan definisi yakin secara langsung dalam karya-karya mereka, namun berdasarkan beberapa data menunjukkan bahawa Muslim liberal juga ada membincangkan mengenai yakin secara umumnya. Muslim liberal menisbahkan keyakinan hanya kepada Allah SWT sahaja tanpa menisbahkan keyakinan kepada manusia. Berdasarkan pegangan ini, menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Allah SWT tidak memerlukan kepada keyakinan kerana ilmu Allah SWT adalah *inkishaf* (meliputi lagi terang dan nyata terhadap sesuatu).

Perkara ini juga diulas oleh al-Baghdadi yang tidak menerima definisi *jazm muwafiq li al-haq*. Hal ini kerana al-Baghdadi ingin mengecualikan Allah SWT dalam soal yakin tersebut. Sifat ilmu Allah SWT bertakluk dengan yang wajib, mustahil dan harus dengan jalan *inkishaf* (meliputi lagi terang dan nyata terhadap sesuatu). Allah SWT mengetahui tentang segala yang wajib daripada Zat, Sifat dan Nama-Nya. Allah SWT juga mengetahui tentang yang mustahil (seperti *sharik* bagi-Nya), iaitu Dia mengetahui tiada Tuhan yang wujud selain Dia. Allah SWT juga mengetahui tentang segala yang harus yang sedang berlaku, telah berlaku dan akan berlaku.<sup>43</sup> Dengan kata lain, Allah SWT mengetahui dengan terang dan nyata mengenai setiap sesuatu sama ada yang ada atau tiada. Maka, pandangan Muslim liberal mengenai keyakinan hanya milik Allah SWT dapat dianalisis sebagai satu pandangan yang berdasarkan kepada kejahilan atau jahil *murakkab*.

Selain itu, Muslim liberal tidak menisbahkan keyakinan kepada manusia apabila mereka mengatakan bahawa manusia tidak dapat menanggapi Islam dalam dunia metafizik (*metaphysical world*) secara yakin. Hal ini kerana pada hakikatnya manusia mempunyai keterbatasan (*limitation*) dan ketidakmampuan (*contingencies*) yang wujud dalam diri mereka. Maka, keyakinan tidak dapat dicapai oleh manusia kerana kelemahan diri manusia sehingga menatijahkan manusia tidak dapat menanggapi ilmu Tuhan pada dunia metafizik (*metaphysical world*) atau alam ketuhanan. Perkara ini bertentangan dengan al-Baghdadi yang menyatakan bahawa manusia mampu mencapai tahap keyakinan. Sepertimana yang dinukilkan oleh al-Jurjani yang menyatakan bahawa definisi yakin iaitu:

اعتقاد الشيء بأنه كذا مع اعتقاد أنه لا يمكن إلا كذا<sup>44</sup>

*Terjemahan: Kepercayaan mengenai sesuatu bahawa ia begini  
dengan keyakinan bahawa ia tidak lain kecuali begini*

Berdasarkan kepada nukilan di atas, yakin merupakan kepercayaan dalam hati yang menerima satu sahaja pandangan dan menolak segala pandangan yang lain. Maka, dapat disabitkan bahawa manusia mampu mencapai tahap yakin dengan berpegang kepada satu sahaja pandangan dan menolak segala pandangan yang lain. Dapat diulas,

<sup>43</sup> Muhammad bin 'Ali bin Mansur al-Syafi'i al-Sinwani, *Hashiyah al-Sinwani 'ala Ittihaf al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid* (Bayrut: Dar Al Kutub Al Ilmiah, 1971), 301.

<sup>44</sup> Al-Jurjani, *al-Ta'rifāt*, entri *al-yaqin*, 259.

bahawa dari aspek lain, definisi ini juga boleh dikenakan kepada jahil *murakkab* kerana jahil *murakkab* adalah menerima satu pandangan sahaja dan menolak kebenaran pandangan yang lain tetapi berdasarkan kepada kejahilan bukan ilmu yang yakin.

Seterusnya, dakwaan yang dikemukakan oleh Muslim liberal yang menyatakan bahawa kebenaran setiap agama adalah benar. Memang diakui bahawa penganut agama-agama seperti Islam, Kristian, Hindu mendakwa bahawa agama mereka sebagai agama yang benar, namun apakah tiada kayu ukur atau parameter yang boleh digunakan untuk menilai kesahihan semua dakwaan tersebut.<sup>45</sup> Memang diakui bahawa setiap penganut agama lain masing-masing meyakini pegangan agama mereka, sekalipun keyakinan Ateis yang menolak akan adanya Tuhan.

Namun persoalan yang harus ditimbulkan di sini ialah apakah keyakinan tersebut berdasarkan premis atau bukti yang kukuh dan meyakinkan; juga berasaskan sumber meyakinkan? Sebagai contoh penganut ajaran Kristian ditempelak keras oleh Allah SWT kerana berpegang kepada bukan *'ilm al-yaqin* iaitu ilmu yang berdasarkan agakan (*al-zan*) dan dakwaan palsu (*al-buhtan*). Meskipun diakui bahawa dalam sesetengah hakikat kebenaran, mereka turut memperakunya misalnya pengiktirafan mereka terhadap Allah SWT sebagai pencipta langit dan bumi; namun pengingkaran mereka terhadap sesetengah hakikat kebenaran lagi, misalnya menolak risalah nabi-nabi as yang tidak disukai mereka, malahan ada yang dibunuh bertitik tolak dari pegangan sesat mereka kepada sumber bertaraf agakan dan dakwaan palsu tersebut mewajarkan mereka dikufurkan oleh Allah SWT.<sup>46</sup>

Ketika seorang Muslim menegaskan bahawa agama yang dianutnya adalah benar dan agama yang lain adalah salah, ia bukanlah pendapat peribadi, akan tetapi ia merujuk kepada pernyataan Tuhan sendiri dalam al-Quran yang diyakini oleh umat Islam sebagai kata-kata Tuhan. Secara peribadi seorang manusia tidak berhak untuk mengatakan agama orang lain salah. Ia adalah keputusan dan hak Tuhan. Maka keyakinannya dan agamanya yang menuntutnya menyatakan yang benar. Oleh kerana orang bukan Islam tidak mengiktiraf Tuhan orang Islam maka tidak ada alasan untuk mereka merasa tersinggung atau terancam. Sebagaimana orang Islam tidak akan merasa tersinggung terhadap apa yang diperkatakan oleh orang bukan Islam, mengikut ajaran agama mereka, tentang hakikat agama Islam. Orang Islam yang mengatakan secara jujur apa yang dinyatakan oleh agamanya maka ia adalah satu ketakwaan selagi ia disampaikan kepada orang bukan Islam tanpa rasa kebencian terhadapnya.<sup>47</sup>

Di samping itu, dalam menegaskan bahawa hanya Islam satu-satunya agama yang diterima oleh Allah SWT dan bahawa kebenaran agama Islam adalah kebenaran yang mutlak (*absolute*), kita tidak bermaksud memperkecilkan atau bersikap tidak toleran terhadap orang bukan Islam. Kita tidak menafikan adanya beberapa ciri-ciri persamaan di samping perbezaan yang asasi, tidak juga menafikan hak mereka untuk mengamalkan agama masing-masing tetapi kita harus bersepakat untuk berbeza pandangan. Bukanlah suatu kesalahan apabila seseorang itu mengatakan kepada orang lain bahawa ia berada di jalan yang salah, jika keadaan memerlukannya untuk berterus terang, meskipun hal ini perlu dielakkan jika keadaan tidak menuntutnya berbuat demikian. Malahan adalah sesuatu yang tidak jujur untuk mengatakan kepada orang

<sup>45</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama," dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 78.

<sup>46</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama," 91-92.

<sup>47</sup> Khalif Muammar, *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tauhid pada Zaman Kekeliruan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), xv.



lain bahawa ia berada di jalan yang benar hanya untuk mengambil hatinya, sedang ia meyakini sebaliknya. Hal ini kerana, dengan demikian, ia telah menzalimi dirinya dan diri orang lain tersebut.<sup>48</sup>

Selanjutnya, lebih baik setiap orang bersikap jujur dan orang bukan Islam patut menerimanya dengan lapang dada demi menghargai kejujuran dan menjunjung tinggi prinsip kebenaran. Mereka juga tidak perlu kawatir kerana orang Islam tidak akan memaksakan kebenaran yang diyakini oleh umat Islam ke atas mereka. Mereka bahkan boleh kekal dengan kebenaran yang mereka yakini sendiri. Orang Islam berkewajipan untuk menyatakan yang benar dan menyampaikannya kepada orang lain. Kita tidak boleh menyembunyikan kebenaran hanya untuk menjaga hati orang bukan Islam. Bukanlah dari ketakwaan apabila seseorang itu berdusta dan berkompromi dalam perkara prinsip. Kita hanya dituntut untuk bekerjasama, baik terhadap sesama Islam mahupun terhadap orang bukan Islam, hanya dalam kebaikan dan ketakwaan. Penegasan akan kebenaran mutlak agama Islam adalah penegasan akidah (teologi) yang bersifat teologikal dan metafizikal.<sup>49</sup> Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pendapat Muslim liberal mengenai kebenaran pelbagai agama adalah tertolak.

Selain itu, persoalan yang menyangkut kebenaran pelbagai agama adalah dibangunkan atas landasan keraguan (*shak*), dan ianya terlepas dari landasan kepastian (*al-yaqin*). Hal ini berlaku apabila Muslim liberal cuba memberikan penjelasan tentang agama berdasarkan spekulasi dan andaian bersifat kefalsafahan. Hal ini kerana, kebenaran agama mestilah bersandarkan kepada ilmu dan kepastian. Ilmu dan kepastian ini adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT sebagai hidayah dan petunjuk kepada orang yang beriman. Oleh kerana itu, para ilmuwan Islam sejak dahulu kala bersikap tegas terhadap golongan Sofis (*al-Sufasta'iyah*), yang dapat dikenal pasti daripada pemikiran Soroush ini iaitu golongan subjektivis (*al-'Indiyyah*) yang menjadikan ilmu dan kebenaran bergantung kepada kehendak manusia. Golongan Sofis (*al-Sufasta'iyah*) ini jugalah, dengan wajahnya yang baru, yang kini mencanangkan kebenaran pelbagai agama dan menolak kebenaran mutlak agama Islam.

Maka dapat dirumuskan bahawa pemikiran epistemologi al-Baghdadi yang mewakili ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah menekankan aspek keyakinan dalam perbincangan epistemologi sedangkan Muslim liberal tidak menekankan keyakinan dalam epistemologi mereka.

**ANALISIS PERBANDINGAN ZAN, SYAK DAN WAHAM MENURUT  
EPISTEMOLOGI MUSLIM LIBERAL DAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Perbincangan mengenai zan, syak dan waham disentuh dan dibahaskan secara panjang lebar oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Walaupun al-Baghdadi kelihatan tidak membincangkan perkara tersebut secara terperinci, namun pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah ini juga merupakan pegangan oleh al-Baghdadi. Pengkaji mendapati bahawa Muslim liberal tidak membincangkan mengenai struktur atau susunan hierarki ketidakyakinan iaitu zan, syak dan waham dalam penulisan mereka. Perkara ini menunjukkan kelompangan yang besar dalam epistemologi Muslim liberal berbanding dengan pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Lanjutan dari ulasan mengenai ketidakyakinan Muslim liberal mengenai kebenaran agama. Pengkaji melihat skema yang dikemukakan oleh ulama iaitu hierarki ketidakyakinan iaitu zan, syak dan waham mungkin boleh ditambah dengan satu lagi kategori sebagai pasangan kepada syak yang didefinisikan sebagai berbolak-balik di antara dua pandangan yang bertentangan tanpa ada *tarjih* ke atas mana-mana satu


---

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> *Ibid.*

pendapat atau pandangan. Dengan kata lain, syak berlaku apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya. Manakala terdapat satu situasi yang bertentangan iaitu situasi hati yang menerima kesemua secara keseluruhannya (pluralis), yang dikategorikan kepada golongan *al-Indiyyah*. Berdasarkan kepada perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah, dapat dicerakinkan kepada zan, syak dan waham dan ditambah dengan satu idea baru iaitu pluralis. Maka, penstrukturan hierarki ketidakyakinan ini dapat dianalisis sebagai satu penambahan bagi penstrukturan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat melalui rajah berikut:

Rajah 3: Gambaran Penstrukturan Hierarki Ketidakyakinan Ahli Sunnah Wal Jamaah



Sumber: Pengkaji, 2024.

Berdasarkan rajah ini, dapat dilihat bahawa penstrukturan yang dilakukan oleh ulama ialah zan iaitu hati lebih berat untuk menerima satu pilihan pendapat, tanpa menafikan atau menolak terus pendapat yang lain. Dapat dipertegaskan bahawa syak ialah apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya. Waham iaitu keraguan yang ada dalam hati kerana tiadanya keyakinan sama ada untuk menerima atau menolak sesuatu pengetahuan atau pandangan. Maka, pengkaji menambah satu lagi pengkategorian iaitu lawan kepada syak yang berlaku apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya. Manakala terdapat satu situasi yang bertentangan iaitu situasi hati yang menerima kesemua secara keseluruhannya (pluralis), yang dikategorikan kepada golongan *al-Indiyyah*. Maka, pengkategorian yang ditambah oleh pengkaji adalah sebagai tambahan untuk melengkapi hierarki ketidakyakinan.

Rumusannya menunjukkan bahawa ketiadaan perbincangan Muslim liberal mengenai struktur atau susunan hierarki ketidakyakinan dari sudut zan, syak dan waham menunjukkan kelompangan yang besar dalam epistemologi Muslim liberal berbanding epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membincangkan mengenai hierarki ketidakyakinan dari sudut zan, syak dan waham. Hal ini kerana, hierarki ketidakyakinan adalah satu elemen yang sangat penting dalam mencerminkan epistemologi yang mantap.

**Analisis Perbandingan Agen Manusia (Human Agency) dalam Mensabitkan Keyakinan Menurut Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah** Ungkapan al-Baghdadi yang menyebut *qa'imah bi al-'ulama'* itu menunjukkan kepada diri manusia sebagai tempat duduknya ilmu, maka ilmu yang benar dapat dihasilkan melalui keyakinan dalam hati yang *jazm* bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya.

Kritikan yang dikemukakan oleh Muslim liberal bahawasanya sifat manusia yang sentiasa melakukan kesalahan atau tidak maksum (*fallible*) menyebabkan makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena ilmu mengenai undang-undang Shari'ah yang ditanggapi oleh manusia mempunyai kemungkinan salah.

Secara mendalam, ini menyebabkan makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena yang sampai ke dalam hati manusia tidak dapat diyakini. Seterusnya, dalam Islam, sememangnya diakui bahawa manusia bersifat dengan sifat yang tidak maksum (*fallible*) atau sentiasa melakukan kesalahan. Hal ini kerana, dalam Islam, hanya Nabi Muhammad SAW sahaja yang bersifat maksum (*infallible*) iaitu terhindar daripada kesalahan. Maka, dapat disimpulkan bahawa selain Nabi Muhammad, manusia lain adalah tidak terlepas daripada melakukan kesalahan atau tidak maksum (*fallible*).

Lanjutan dari penerangan di atas, dalam kitab *Usul al-Din*, al-Baghdadi tidak membincangkan mengenai kriteria seseorang manusia itu perlu kepada sifat maksum (*infallible*) untuk sampainya ilmu ke dalam dirinya. Dengan kata lain, ilmu boleh sahaja sampai ke dalam diri manusia walaupun manusia tidak memiliki sifat maksum (*infallible*). Maka, ilmu itu ada atau sampai atau tiba pada manusia, tidak perlu dinafikan kesempaiannya dalam hati secara yakin. Ini menunjukkan bahawa al-Baghdadi mengiktiraf manusia sebagai agen ilmu walaupun tidak memiliki sifat maksum (*infallible*). Secara langsung, ini menunjukkan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan yakin mengiktiraf bahawasanya manusia adalah sebagai agen dalam ilmu walaupun memiliki sifat tidak maksum (*fallible*) iaitu tidak terlepas daripada melakukan kesalahan. Pada titik temu yang lain, sifat manusia yang tidak maksum (*fallible*) atau sentiasa melakukan kesalahan yang terdapat pada manusia tidak mengganggu seseorang untuk mensabitkan ilmu dalam hatinya secara yakin.


Selain itu, dapat dipersoalkan kembali, sekiranya sifat yang terdapat dalam diri manusia iaitu manusia tidak maksum (*fallible*) akan sentiasa membawa kepada kesalahan, dan tidak ada perkara yang benar mampu hadir atau sampai atau tiba dalam diri manusia, maka adakah pendapat Muslim liberal mengenai ketidakmaksuman manusia menyebabkan ilmu tidak dapat hadir atau sampai atau tiba ke dalam dirinya adalah kenyataan yang berdasarkan kepada kebenaran? Sekiranya Muslim liberal mengakui perkara tersebut, maka kenyataan mereka tersebut adalah kebenaran, dan mereka mensabitkan secara yakin mengenai kebenaran kenyataan mereka yang menyatakan bahawa sifat ketidakmaksuman manusia menyebabkan ilmu tidak dapat sampai ke dalam diri manusia secara yakin. Sekiranya Muslim liberal menafikan perkara tersebut, maka mereka sendiri meragui kenyataan yang mereka lontarkan mengenai manusia tidak mensabitkan meyakini sesuatu ilmu kerana sifat manusia yang tidak maksum (*fallible*). Maka, kenyataan yang mereka lontarkan tersebut tertolak dengan hujah yang mereka sendiri ciptakan.

Selain itu, dapat diulas bahawa Muslim liberal telah mencampuradukkan di antara kefahaman (*understand*) dan pelaksanaan (*implement*) dalam melaksanakan undang-undang Islam (*Islamic law*). Berdasarkan pendapat ini, dapat diulas bahawa sememangnya diakui bahawa pelaksanaan (*implement*) oleh manusia ini sentiasa tidak sempurna (*imperfect*) dan boleh dipertikaikan, namun adakah dalam aspek kefahaman, tidak ada satu pun perkara yang dapat difahami secara yakin oleh manusia di dunia ini? Pada titik tertentu, sudah semestinya terdapat perkara yang dapat difahami oleh manusia secara yakin sepertimana yang dihuraikan oleh pengkaji mengenai kefahaman manusia khususnya para fuqaha mengenai hukum yang melibatkan *al-dilalah qat'i* di mana kefahaman tersebut dapat ditanggapi oleh manusia secara sempurna berdasarkan

keyakinan yang *jazm*. Perkara ini menunjukkan bahawa kefahaman sebenar boleh dicapai oleh manusia melalui penegasan hati secara yakin berbeza dengan pegangan Muslim liberal yang tidak mensabitkan keyakinan yang sampai dalam hati.

Berdasarkan pegangan Muslim liberal yang tidak mensabitkan keyakinan yang sampai dalam hati, dapat diperincikan melalui perbincangan dalam gambar rajah di bawah dengan memfokuskan kepada penerangan mengenai orang yang mengetahui tidak mampu mensabitkan keyakinan yang berada dalam kotak sepertimana berikut:

Rajah 4: Gambaran Pemikiran Epistemologi Muslim liberal Mengenai Manusia Tidak Mensabitkan Keyakinan



Sumber: Pengkaji, 2024

Gambar rajah di atas menunjukkan terdapat tiga simbol iaitu hakikat, makna dan orang yang mengetahui. Hakikat itu adalah dirinya sendiri, dengan kata lain, dirinya atau zatnya atau jauharnya adalah hakikat sesuatu itu. Melalui hakikat tersebut akan keluar makna atau gambaran atau konsepsi atau tasawur ke dalam diri orang yang mengetahui. Gambar rajah tersebut merupakan keterangan bahawa Muslim liberal berpendapat bahawa manusia tidak dapat mensabitkan keyakinan yang sampai ke dalam dirinya. Secara lebih jelas, lukisan pokok diibaratkan sebagai hakikat dan gambaran mengenai pokok itu adalah makna, maka makna atau gambaran atau konsepsi atau tasawur ke dalam diri seseorang yang sampai ke dalam hati manusia tidak dapat disabitkan kerana sifat kelemahan yang terdapat dalam dirinya. Ini menunjukkan bahawa manusia sebagai agen tidak mampu mensabitkan keyakinan dan menanggapi makna atau gambaran atau konsepsi atau *tasawur* yang sampai ke dalam hatinya secara yakin.

Berdasarkan kepada hujah Muslim liberal ini, dapat dipersoalkan kembali, adakah seseorang tidak dapat mensabitkan walau satu ilmu dalam dirinya secara yakin? Sememangnya diakui bahawa manusia tidak dapat meyakini semua perkara atau tidak semua perkara manusia dapat memahami secara yakin. Namun, ini tidak membawa maksud bahawa semua perkara tidak boleh diyakini. Contohnya mengenai kewujudan diri sendiri, adakah makna tentang kewujudan diri sendiri juga tidak dapat diyakini dalam hati setiap orang? Sudah tentu mereka mengakui secara yakin mengenai

kewujudan diri mereka sendiri kerana adalah sesuatu yang tidak munasabah sekiranya seseorang mempunyai keraguan mengenai kewujudan dirinya sendiri.

Selain itu, Muslim liberal juga mempertikaikan mengenai kesabitan keyakinan dalam diri orang yang mengetahui, kerana menurut mereka, keyakinan seseorang terhadap ilmu adalah sesuatu yang tidak boleh disabitkan disebabkan tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang ada tidak kukuh. Ini kerana, tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang dibina adalah berasaskan kepada asas epistemologi yang berbeza. Contohnya, orang yang berpegang kepada rasionalisme tidak boleh menilai sesuatu berdasarkan kepada pemerhatian kerana ianya melangkaui ke batasan ruang akal rasional. Namun, sekiranya penilaian berdasarkan pemerhatian tersebut menggunakan sumber empirikal sebagai asas, sudah tentu pemerhatian (*observation*) tersebut akan menjadi tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang sangat kukuh. Contohnya, seseorang ingin mengkaji sama ada sesuatu benda itu keras atau lembut, maka tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang sepatutnya digunakan adalah pemerhatian melalui cerapan pancaindera. Maka, ketidakyakinan kepada ilmu adalah kerana Muslim liberal telah menggunakan tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) yang salah untuk mengukur objek yang tertentu. Sepatutnya, sekiranya Muslim liberal ingin menggunakan rasionalisme kritis (*critical rationalism*), maka perlu diukur menggunakan hukum akal bukan sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa manusia tidak mampu menanggapi makna yang sebenar kerana ketiadaan tanda atau pembuktian atau dalil (*signpost*) sehingga mengakibatkan ketidakyakinan dalam diri orang yang mengetahui adalah tertolak.

Dapat disimpulkan pemikiran Muslim liberal merupakan asas akar pemikiran pasca modenisme yang menganggap bahawa ilmu pengetahuan adalah diragui. Maka, sekiranya asas epistemologi mengenai keyakinan yang sampai kepada manusia ini diragui, maka segala ilmu manusia adalah sesuatu yang meragukan, termasuk pengetahuan Muslim liberal yang dilihat terpengaruh dengan pemikiran pasca modenisme dalam pendekatan epistemologi mereka dan malah terhadap seluruh idea dan pengetahuan mereka. Malah boleh dikatakan juga bahawa hanya golongan Muslim liberal sahaja yang ragu terhadap ilmu mereka dan keraguan itu sabit terhadap apa sahaja idea mereka. Manakala semua ilmu lain, termasuk pendirian tradisi Islam terhadap agama dan dunia contohnya, adalah ilmu yang benar yang meyakinkan. Rumusannya, dari sudut agen manusia, al-Baghdadi mengakui bahawa agen manusia dapat mensabitkan keyakinan bertentangan dengan epistemologi Muslim liberal yang menyatakan bahawa agen manusia tidak dapat mensabitkan keyakinan.

### **KESIMPULAN**

Rumusannya, dalam aspek definisi yakin menunjukkan bahawa pemikiran epistemologi al-Baghdadi secara khusus dan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah menekankan aspek keyakinan dalam aspek teoretikal dalam perbincangan epistemologi sedangkan Muslim liberal tidak menekankan keyakinan dalam aspek teoretikal dalam epistemologi mereka. Dalam aplikasi praktikal, kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aspek keyakinan ini boleh membezakan pengetahuan Muslim secara umumnya dengan kumpulan Sofis (*al-Sufastaiyyah*) yang ragu kepada ajaran Islam. Memang tidak semua Muslim kini mengetahui mengenai ajaran agamanya secara yakin yang hakiki, seperti pengetahuan Rasulullah S.A.W. yang antara lain mengalami sendiri pengalaman menerima wahyu. Namun, Muslim tahu dan yakin mengenai mesej wahyu tersebut bersumberkan perkhbarannya yang sahih melalui para ulama yang menyampaikan ajaran Islam daripada Rasulullah S.A.W. Manakala andaian kumpulan Sofis (*al-Sufastaiyyah*) mengenai mesej Islam yang sempurna tidaklah bersumberkan

keyakinan mereka kepada Rasulullah S.A.W. atau para ulama. Dari sudut zan, syak dan waham, ketiadaan perbincangan Muslim liberal mengenai struktur atau susunan hierarki ketidakyakinan dari sudut zan, syak dan waham menunjukkan kelompangan yang besar dalam epistemologi Muslim liberal berbanding epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membincangkan mengenai hierarki ketidakyakinan dari sudut zan, syak dan waham. Hal ini kerana, hierarki ketidakyakinan adalah satu elemen yang sangat penting dalam mencerminkan epistemologi yang mantap. Selain itu, dari sudut agen manusia, al-Baghdadi mengakui bahawa agen manusia dapat mensabitkan keyakinan bertentangan dengan epistemologi Muslim liberal yang menyatakan bahawa agen manusia tidak dapat mensabitkan keyakinan. Rumusan keseluruhannya menunjukkan bahawa keyakinan mesti disabitkan kerana keyakinan adalah salah satu elemen ilmu. Hal ini dipertegaskan oleh al-Baghdadi yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menyatakan bahawa ilmu yang sebenar bahawa ilmu yang sebenar-benarnya (*haqīqat al-'ilm*) itu ialah ilmu yang bersifat atau bertaraf yakin (*al-'ilm al-yaqīnī*).

### RUJUKAN

- Abdul Karim Soroush, *The Expansion of Prophetic Experience: Essays on Historicity, Contingency and Plurality in Religion*. (Leiden: Brill, 2009).
- Abou El Fadl, Khaled, *Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah In The Modern Age*. (United Kingdom: Rowman & Littlefield, 2014).
- Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir bin Tahir, *Al-Farq Bayn al-Firaq wa Bayan al-Firqah al-Najiyah Minhum*. (Kaherah: Maktabah Ibn Sina, t.th).
- Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir bin Tahir, *Usul al-Din*. (Bayrut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, 2002).
- al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad, al-Misbah al-Munir. (Bayrut: Maktabah Lubnan, 1990).
- Al-Jurjani, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad, *al-Ta'rifāt*. (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2000).
- Al-Sinwani, Muhammad bin Ali bin Mansur al-Syafi'i, *Hasyiyah al-Sinwani ala Ittihaf al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1971).
- Brian Duignan, "Postmodernism," laman sesawang Encyclopædia Britannica, diakses 10 Oktober 2018, <https://www.britannica.com/topic/postmodernism-philosophy>.
- Dawud al-Fatani, *al-Durru al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti. (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011).
- Hamat, Mohd Fauzi. "Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam: Satu Perbincangan." *Jurnal Usuluddin* 15 (2002), 35-52.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukram, *Lisan al-'Arab*. (Bayrut: Dar Sadir, 1955).
- Khalif Muammar, *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tauhid pada Zaman Kekeliruan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).
- Mahmud Umar, *Hasyiah al-Sayalikuti wa al-Jalbi ala Syarh al-Mawaqif*. (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1971).
- Mohd. Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama," dalam Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat. (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

- Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, *Ahli Sunnah Wal Jamaah Penyerapan Unsur-unsur Akidah yang Mengelirukan Dalam Masyarakat Islam di Malaysia* (Johor Bharu: Majlis Agama Islam Negeri Johor 2011).
- Muhammad bin Mukram Ibn Manzūr, *Lisan al-‘Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1955).
- Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid, “Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal,” *Jurnal Usuluddin* 33 (2011), 113-138.
- Zainah Anwar, “In Search of Common Ground: Reconciling Islam and Human Rights,” laman sesawang Sisters in Islam, diakses 10 Oktober 2018, <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1444.98>.
- Zayn al-‘Abidin Muhammad al-Fatani, *Aqidatun Najin* dirumikan oleh Noraine Abu. Batu Caves: Al-Hidayah Publications (2011).